

Baca petikan di bawah dan jawab soalan-soalan yang berikutnya:

Cuaca pagi itu amat cerah. Matahari memancarkan cahaya manakala angin yang bertiup sepoi-sepoi bahasa amat menyegarkan. Aku sedang berehat sambil menikmati nasi lemak yang disediakan oleh ibu pada pagi itu.

Awal-awal pagi lagi ibu sudah ke rumah Mak Teh. Pada hujung minggu ini MakTeh akan melangsungkan majlis perkahwinan Kak Lina, satu-satunya anak Mak Teh. Sedang aku membelek-belek akhbar semalam, tiba-tiba aku terdengar nama aku dipanggil. Aku menjenguk keluar. Rupa-rupanya Azli dan Rosdi datang. Mereka mengajak aku ke sungai di belakang rumahku.

“Marilah kita mandi di sungai .Sudah lama kita tidak ke sana,” ajak Azli.

“ Benar, tambahan pula hari inikan cuti. Bolehlah kita lumba berenang. Kau tengoklah kejaguan aku di air nanti, ” sahut Rosdi pula.

Namun begitu, aku menolak pelawaan mereka kerana aku teringat pesanan ibu supaya aku tidak meninggalkan rumah. Lagi pun, aku terpaksa menyiapkan kerja sekolah yang diberi oleh Puan Kamilia. Akhirnya Azli dan Rosdi berlalu menuju ke sungai tanpa aku.

Tidak lama kemudian kedengaran bunyi riuh-rendah. Aku nampak ibu Azli bersama beberapa orang kampung berlari ke sungai itu. Mereka kelihatan cemas. Aku turut menyertai mereka. Rupa-rupanya Azli telah dihanyutkan arus deras.

1. Apakah tujuan Azli dan Rosdi ke rumah penulis?

- A. Mengajaknya mandi-manda di sungai
- B. Meminta kebenaran mandi di sungai
- C. Meminjam surat khabar semalam
- D. Membincangkan pelajaran sekolah

2. Mengapakah suasana menjadi riuh-rendah?

- A. Kerana melihat Ibu Azli berlari ke sungai
- B. Kerana terdengar bunyi suara orang menjerit
- C. Kerana Azli tidak pulang ke rumah
- D. Kerana Azli hanyut di sungai

3. Yang berikut merupakan perkara yang dilakukan oleh penulis pada pagi itu.

- A. membaca buku
- B. membaca akhbar
- C. membeli nasi lemak
- D. membuat kerja sekolah

4. Berdasarkan petikan, penulis seorang yang...

- A. bertanggungjawab
- B. mementingkan diri
- C. bertolak ansur
- D. belas kasihan